

**Sesi Pengenalan Calon Ditukar Dari 1-2 Okt
Bernama
26 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Jadual sesi pengenalan calon bagi jawatan Majlis Tertinggi (MT) dan ketiga-tiga sayap pusat yang sepatutnya diadakan mulai 1 Okt ditukar ke 2 Okt.

Menurut Umno di dalam laman webnya www.umno-online.com.my , pada 2 Okt, sesi pengenalan calon akan diadakan di Perlis pada pukul 9.30 pagi, Kedah (3.30 petang) dan Pulau Pinang (8.30 malam).

Seterusnya, pada 4 Okt, sesi memperkenalkan calon diteruskan di Perak pada pukul 9.30 pagi, Selangor (3.30 petang) dan Wilayah Persekutuan (8.30 malam).

Sesi itu akan diadakan di Kelantan pada 6 Okt pukul 9.30 pagi, Terengganu (3.30 petang), Pahang (9 malam) dan 8 Okt di Negeri Sembilan (9.30 malam), Melaka (3.30 petang) dan Johor (8.30 malam).

Bagi Sabah, sesi pengenalan calon diadakan di Badan Perhubungan Umno Sabah pada pukul 3.30 petang, 9 Okt.

Sebanyak 260 calon bertanding jawatan Umno pusat selepas Ketua Penerangan Wanita Umno Datuk Hamidah Osman menarik diri daripada bertanding Naib Ketua Wanita. Pemilihan bagi Exco ketiga-tiga sayap diadakan pada 12 Okt dan MT pada 19 Okt.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=980875>